

HUTAN PEMELIHARAAN NILAI TINGGI

Hutan Pemeliharaan Nilai Tinggi (*High Conservation Value Forest: HCVF*) adalah konsep yang didefinisikan oleh *Forest Stewardship Council (FSC)* pada tahun 1999 untuk digunakan dalam pensijilan pengurusan hutan. Hutan yang mempunyai nilai pemeliharaan yang tinggi (HCVF) merupakan hutan yang memiliki satu atau lebih ciri-ciri nilai pemeliharaan tinggi (HCVs).

Pihak *Forest Stewardship Council (FSC)* mentakrifkan HCVF sebagai kawasan hutan yang mengandungi nilai-nilai berikut:

1. HCV1 : kawasan hutan yang mengandungi tahap nilai biodiversiti yang signifikan pada peringkat global, serantau dan nasional (misalnya endemisme, spesies terancam, refugia);
2. HCV2 : kawasan hutan pada skala landskap yang besar yang terkandung di dalam FMU atau meliputi FMU itu sendiri, di mana populasi yang berdaya maju (*viable*) dari kebanyakan, jika tidak kesemua spesies yang hidup secara semulajadi di dapati wujud dalam pola taburan dan kehidupan asalnya;
3. HCV3: kawasan hutan yang berada di dalam atau mengandungi ekosistem yang nadir, terancam atau berkeadaan bahaya;
4. HCV4: kawasan hutan yang menyediakan perkhidmatan asas alam semulajadi dalam situasi kritikal (misalnya: perlindungan tadahan air, kawalan banjir);
5. HCV5: kawasan hutan yang penting dalam membekalkan keperluan asasi komuniti tempatan (contohnya sara hidup, kesihatan); dan
6. HCV6: kawasan hutan yang bersifat kritikal kepada identiti budaya tradisi komuniti tempatan (kawasan yang dikenali dengan kerjasama komuniti berkenaan sebagai mempunyai signifikans budaya, ekologi, ekonomi atau keagamaan kepada mereka).

Pihak *Malaysian Timber Certification Council (MTCC)* telah menerimapiakai definasi HCVF di atas dalam proses menggubal standard MC&I (2002) untuk proses pensijilan perhutanan di Malaysia.

Perkara ini diambil maklum oleh JPNJ dan tindakan bersesuaian akan diambil di dalam Rancangan Pengurusan Hutan (2006 – 2015) dalam merumuskan pelan tindakan bagi menguruskan kawasan HCVF ini terutamanya kawasan yang mengandungi tahap endemisme yang tinggi dan ekosistem yang unik. Dalam masa yang sama, JPNJ telah mengambil langkah positif dengan merangka pelan tindakan dalam bentuk garispuandu pengurusan dan pemantauan yang bersesuaian yang perlu diambilkita bagi menjadikan HCVF lebih berfungsi di mana kewujudannya akan memberi lebih banyak faedah kepada pembangunan negeri, negara dan sosio-ekonomi.

MC&I(2002) menghendaki sebarang pelaksanaan aktiviti-aktiviti pengurusan untuk kawasan HCVF haruslah mengekal atau mempertingkatkan sifat-sifat semulajadi yang mentakrifkan kawasan-kawasan HCVF berkenaan. Keputusan-keputusan mengenai HCVF sentiasa harus dipertimbangkan dalam konteks pendekatan secara berwaspada (*precautionary approach*). Memandangkan tiada rangka HCVF khusus yang digubal di peringkat Malaysia serta bagi memenuhi kehendak-kehendak MC&I(2002), JPNJ menggunakan pendekatan garispuandu

pengurusan dan pemantauan berikut berhubungan dengan pengujudan dan pengurusan kawasan HCVF di Negeri Johor, antaranya:

a. Prosedur/Protokol Penilaian HCVF (*HCVF Screening Protocol/Prosedure*)

Pengenalpastian, penubuhan dan pengurusan kawasan HCVF akan mengikuti langkah-langkah asas berikut:

- (i) Pengenalpastian dan penilaian kawasan HCVF adalah berdasarkan data/pemerhatian/maklumat lapangan yang diperolehi melalui:
 - Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F);
 - Percakapan komuniti setempat (word of mouth by local communities);
 - Pengalaman staf JPNJ atau pihak berkepentingan lainnya (other stakeholders)
 - Nasihat pakar daripada organisasi/agensi/institusi (con: Malaysian Nature Society:MNS, Forest Research Institute of Malaysia:FRIM, World Wildlife Fund:WWF dan sebagainya);
 - Laporan-laporan yang diterbitkan/tidak diterbitkan.
- (ii) Maklumat dan data-data berkaitan spesies dan landskap unik yang berpotensi dikenalpasti sebagai HCVF akan disimpan dalam pangkalan data JPNJ.
- (iii) Pasukan khas akan dihantar untuk menyiasat kawasan-kawasan berpotensi HCVF di lapangan. Pasukan tersebut akan mengumpul maklumat, mengutip sampel dan merakam gambar-gambar berkaitan dan membuat pelaporan kepada JPNJ ke atas sebarang penemuan.
- (iv) JPNJ akan mengaturkan sesi perbincangan (consultation) dengan pihak-pihak berkepentingan yang sesuai bagi memperjelaskan tentang attribute HCVF untuk dipertimbangkan dan diterima.
- (v) JPNJ akan berhubungan dengan JPSM dan FRIM atau lain-lain agensi bagi memasti/menentukan status pemuliharaan kawasan HCVF.
- (vi) JPNJ akan mengeluarkan arahan-arahan bertulis yang bersesuaian kepada pemegang konsesi pembalakan, pihak-pihak berkepentingan dan pihak-pihak yang terjejas, berkaitan:
 - Mengeluarkan kawasan-kawasan HCVF terlibat daripada mana-mana pembangunan/ekplotasi masa depan (con; kawasan pertumbuhan spesies endemik; kawasan kepentingan kebudayaan, keagamaan);
 - Mengkhaskan keluasan kawasan yang sesuai untuk pemuliharaan dan menanda sempadan di lapangan;
 - Membentuk strategi untuk pemuliharaan, perlindungan dan penggunaan spesies dan habitat;
 - Di mana perlu, melaksanakan inventori lengkap ke atas sumber-sumber HCVF dan mendokumenkan keputusan yang diperolehi.

b. Garispanduan Pengurusan

Dalam memastikan pengekalan kepentingan dan fungsinya, kawasan HCVF perlu diuruskan berasaskan kepada pertimbangan dan garispanduan berikut:

- (i) Pengenalpastian kawasan HCVF: mengikuti prosedur/protokol sebagaimana digariskan di atas [Para (a)];

- (ii) Peta-peta yang sesuai kawasan HCVF akan disediakan. Maklumat yang ditunjukkan di atas peta tersebut antaranya:
- Topografi, kontor, kelarian jalan, sungai, penempatan komuniti;
 - Jenis hutan dan habitat;
 - Jenis tanah, geologi dan sebagainya.
- (iii) Berdasarkan maklumat yang diperolehi/dikumpul daripada lapangan dan perundingan dengan pihak berkepentingan, JPNJ akan menyediakan senarai sumber-sumber (*attributes*) yang mana akan digunakan dalam menentukan kawasan HCVF;
- (iv) JPNJ akan menyediakan Pelan Tindakan dalam bentuk Jadual Masa (*time scheduling*);
- (v) Manjalankan latihan dan kursus kepada staf JPNJ dan kontraktor-kontraktor berkaitan pengurusan HCVF termasuk pendedahan kepada kehendak-kehendak MC&I(2002) dan lain-lain protokol yang berkaitan HCVF bagi menjamin pelaksanaan HCVF yang berjaya;
- (vi) JPNJ akan menjalankan penilaian ke atas keupayaan staf dan kontraktor berhubung dengan keupayaan standard yang diperlukan bagi mengurus kawasan HCVF. Lanjutan daripada penilaian ini, JPNJ akan mengenalpasti keperluan dan melaksanakan latihan lanjutan.
- (vii) Memeruntukkan bajet yang sesuai dan mencukupi bagi melaksanakan pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur untuk tujuan mitigating alam sekitar, kajian-kajian, penyelidikan, penyediaan laporan dan dokumentasi serta tujuan pemuliharaan;
- (viii) Untuk memastikan pengurusan HCVF yang berjaya, JPNJ akan menyediakan bimbingan, di samping megujudkan kerjasama-kerjasama sebagaimana berikut:
- Kerjasama dalaman JPNJ: Adalah menjadi keperluan untuk mengumpul maklumat; mengujudkan dan membangunkan pangkalan data. Bagi mengujudkan jalinan kerjasama yang padu *Standard Operating Prosedure* (SOP) yang sesuai perlu diwujudkan/dibangunkan;
 - JPNJ akan mengujud dan memperluaskan kerjasama dengan lain-lain agensi Kerajaan, NGOs dan pihak-pihak yang berkepentingan lainnya dalam memastikan kesinambungan HCVF;
 - JPNJ akan mengujudkan ad-hoc panel untuk menasihati berkaitan halutuju mas depan dan meneganlpasti HCVF; untuk menyelesaikan sebarang komflik; dan mendapatkan pandangan serta idea yang berguna dala pengurusan dan pemuliharaan sumber-sumber HCVF;
 - Dokumentasi maklumat dan data adalah amat penting dalam memastikan vital evidence; rekod-rekod akan disimpan dengan baik dan dikemaskini. Lanya akan digunakan oleh pengurus-pengurus hutan masa kini dan masa depan serta juga penyelidik-penyelidik berkaitan HCVF.
- (ix) Mengadakan perundingan dengan pihak-pihak yang terlibat (menerima kesan) daripada pengujudan HCVF; mendengar pendapat dan membincang jalan

penyelesaian, merangka tindakan yang perlu diambil bagi mengatasi masalah yang timbul; diadakan secara berkala berdasarkan isu-isu yang ditimbulkan oleh pihak-pihak yang terlibat;

- (x) Sebagai satu kawasan yang bernilai: maka kawasan HCVF perlu dilindungi samada melalui satu Pelan Perlindungan HCVF yang dibentuk atau sebagainya bagi memastikan kesinambungan dan keberkesanan kewujudannya. Perlindungan boleh dalam bentuk:
 - Perlindungan daripada pencerobohan;
 - Perlindungan daripada kebakaran dan lain-lain kejadian alam;
 - Perlindungan daripada serangan penyakit dan pencemaran.
- (xi) Bagi perlindungan berkesan sesuatu kawasan HCVF, segala ancaman samada ancaman semasa atau potensi ancaman perlu dikenalpasti dengan jelas; dan dimana boleh ia perlu dikenalpasti berdasarkan kepada tahap ancaman tersebut. JPNJ akan membentuk pakar-pakar di kalangan staf bagi mengenalpasti dan meramalkan ancaman dan mencari jalan bagi mengawal setiap ancaman berkenaan;
- (xii) Perlindungan kawasan HCVF dilaksanakan dalam bentuk pemantauan/rondaan berkala; penandaan sempadan di lapangan; penutupan laluan-laluan masuk (jalan hutan) yang kurang aktif; dan memasang papan-papan tanda amaran bagi mencegah pencerobohan;
- (xiii) Pelbagai kajian dan penyelidikan (R & D) boleh dijalankan/dilaksanakan di kawasan HCVF; bergantung kepada jenis dan kedudukan HCVF serta objektif penubuhannya (con: program pembaikbiak spesies, pelaksanaan ekspedisi saintifik biodiversiti, pengumpulan herbarium, penubuhan dan penanaman in-situ dan ex-situ, penubuhan plot contoh kekal, penyelidikan bioteknologi penyelidikan tapak semaian dan sebagainya);
- (xiv) Status HCVF akan dinilai dan disemak semula dari masa ke semasa bagi menentukan halatuju dan keberkesanan kewujudannya. Ini selaras dengan objektif pengujudannya di mana aspek Pemantauan, Penilaian & Pengawasan akan diberikan keutamaan;
- (xv) HCVF yang ditubuhkan juga membuka pintu bagi aktiviti eko-pelancongan dan lain-lain aktiviti yang tidak mendatangkan kerosakan teruk. Pelaksanaan aktiviti akan dikaji terlebih dahulu bagi mengelakkan pelaksanaannya boleh menghilangkan spirit penubuhannya.
- (xvi) Penerbitan dan Pengembangan: Perkara ini adalah perlu bagi mempromosikan kepentingan dan keberkesanan nilai kawasan HCVF agar dapat meningkatkan kesedaran dan perasaan self-belonging kepada masyarakat tentang kepentingan mengekalkan kawasan HCVF tersebut. Ia akan dilaksanakan melalui penganjaran seminar, mesyuarat ke atas penemuan-penemuan terkini sumber-sumber dalam kawasan HCVF.

c. Protokol Pemantauan bagi Menilai Keberkesanan Garispanduan Pengurusan

Protokol pemantauan bagi menilai keberkesanan garispanduan pengurusan memerlukan:

- (i) Penglibatan dan komitmen yang padu daripada peringkat pengurusan atasan. Pihak pengurusan atasan perlu membincangkan isu-isu berkaitan HCVF dalam mesyuarat pengurusan yang perlu diadakan dari masa ke semasa dan perkara yang dibincangkan perlu direkod serta diminit;
- (ii) Latihan yang berterusan dan peningkatan pengetahuan dan kemahiran staf ke atas aspek pemantauan dan subjek-subjek berkaitan;
- (iii) Perundingan dengan pihak-pihak berkepentingan yang berkala bagi mengumpul input dan komen; serta membuka saluran komunikasi dengan lain-lain parti yang berminat termasuk juga golongan profesional;
- (iv) Bertukar-tukar pengalaman pemuliharaan dengan organisasi/agensi lain dalam bidang yang sama (con: pengalaman berkaitan habitat/spesies yang sama);
- (v) Pemantauan perlu dilaksanakan berdasarkan kepada SOP yang dibentuk;
- (vi) Kriteria 8.2 MC&I(2002) menghendaki pemantauan dijalankan bagi melihat perubahan ke atas flora dan fauna serta juga impak sosial. Pemantauan oleh JPNN adalah dibuat menjurus kepada perkara ini.

d. Protokol Bagi Perundingan Berterusan Dengan Pihak Berkepentingan Ke Atas Pengenalpastian HCVF Dan Teknik Yang Digunakan Bagi Mengekalkan Kewujudannya

Berikut merupakan protokol yang diikuti JPNN serta isu-isu yang dipertimbangkan dalam usaha mengekalkan perundingan yang berterusan dengan pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan dengan Pengurusan HCVF, antaranya:

- (i) Pendapat-pendapat dan nasihat-nasihat pihak berkepentingan tempatan/setempat (local stakeholder) akan diperolehi dari masa ke semasa dan diberi perhatian utama; pengumpulan maklumat ke atas sumber-sumber (attributes) yang digunakan bagi menggubal keputusan ke atas HCVF;
- (ii) Mendokumentasikan segala pengetahuan tempatan (local knowledge) dan penggunaan sumber hutan oleh masyarakat tempatan;
- (iii) Latihan dan peluang lawatan belajar diberikan kepada pihak berkepentingan untuk melawat ke kawasan dan usaha-usaha pemuliharaan yang lain;
- (iv) Sesi-sesi perundingan dengan pihak-pihak berkepentingan diadakan dari masa ke semasa;
- (v) JPNN mengemaskini senarai pihak-pihak berkepentingan;
- (vi) Pihak-pihak berkepentingan dihubungi dan mesyuarat diadakan samada secara formal atau tidak formal seperti melalui penganjuran Hari Terbuka, Mesyuarat Perundingan dan sebagainya;
- (vii) JPNN akan memaklumkan pihak-pihak berkepentingan ke atas sebarang aktiviti pembangunan dan perubahan yang mungkin memberi kesan ke atas kawasan HCVF;
- (viii) JPNN akan sentiasa memantau dan mengawal pergerakan orang ramai ke dala/keluar daripada kawasan HCVF.

e. Penyelesaian Pertikaian/Masalah

Adalah menjadi satu keperluan bagi membentuk dan melaksanakan peraturan yang didokumentasikan bagi menyelesaikan pertikaian/masalah yang wujud. Dalam menyelesaikan sebarang pertikaian dan permasalahan, JPNJ akan:

- (i) Memantau keperluan masyarakat setempat dan pengguna-hutan serta memastikan pengujudan HCVF tidak meninggalkan kesan/impak yang berterusan kepada mereka;
- (ii) Mengenalpasti fizikal dan psikologi impaks ke atas masyarakat setempat berhubung dengan pengujudan kawasan HCVF;
- (iii) Mengukur dan mempromosikan tahap penerimaan masyarakat ke atas pelaksanaan aktiviti JPNJ dan hindarkan daripada modifikasi kos dan projek-projek terbengkalai;
- (iv) Memantau perubahan nilai-nilai persekitaran dalam masyarakat setempat;
- (v) Mengekalkan perundingan dengan pihak-pihak berkepentingan melalui mesyuarat dan perjumpaan terbuka secara berkala;
- (vi) Dokumenkan segala komplain/aduan yang diterima, ambil tindakan segera dan pantau segala tindakan yang telah diambil.

Sementara itu, juga menjadi keperluan JPNJ untuk mengenalpasti kawasan-kawasan yang disifatkan istimewa (special sites) oleh komuniti Orang Asli untuk dijadikan kawasan hCVF sebagaimana ketetapan dalam MC&I(2002). Berhubung dengan ini, JPNJ akan menggunakan pendekatan berikut dalam mengenalpasti, mengurus dan memelihara kawasan-kawasan istimewa komuniti Orang Asli ini (sekiranya ada), antaranya:

a. Definisi Kawasan Istimewa (Special Site)

- (i) Kawasan istimewa bagi komuniti Orang Asli ditakrifkan sebagai sesuatu kawasan, tapak atau tempat yang menjadi penting bagi kegiatan kebudayaan, keagamaan, ekologi atau ekonomi bagi sesuatu komuniti Orang Asli di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK).
- (ii) Komuniti Orang Asli termasuk sama ada tinggal di dalam atau di sekitar kawasan HSK yang berkenaan.
- (iii) Kawasan-kawasan istimewa bagi komuniti Orang Asli termasuklah tanah perkuburan, tempat suci bagi tujuan keagamaan, tanah adat, dusun saka, takungan air dan lain-lain tempat yang mempunyai nilai-nilai kebudayaan, keagamaan, ekologi atau ekonomi sejak turun-temurun dari satu generasi kepada generasi yang lain.

b. Kepentingan Kawasan Istimewa

- (i) Kawasan-kawasan istimewa tidak boleh digantikan dengan alternatif lain dan sekiranya terdapat atau gangguan akan menyebabkan perubahan dari segi kebudayaan, keagamaan, ekologi atau ekonomi bagi komuniti Orang Asli tersebut.

- (ii) Pengekalan kawasan istimewa penting bagi komuniti Orang Asli yang bergantung hidup kepada sumber-sumber tersebut untuk memenuhi keperluan asas mereka dari segi sara hidup, keagamaan, kebudayaan atau kesihatan.

c. Langkah-Langkah Mengenalpasti Tempat Istimewa

Langkah-langkah berikut boleh digunakan sebagai sebahagian daripada kaedah unuk mengenalpasti tempat-tempat istimewa bagi sesuatu komuniti Orang Asli, antaranya:

- (i) Mengenalpasti kawasan istimewa komuniti Orang Asli melalui soal-selidik atau temu-bual oleh Pegawai/kakitangan JPNJ (sekurang-kurangnya Pengawas Hutan) ke atas Ketua Masyarakat, Ketua Kaum, Batin atau Pegawai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) yang berkenaan.
- (ii) Menanda tempat-tempat istimewa komuniti Orang Asli berdasarkan kepada maklumat daripada Borang Soal Selidik ke dalam pelan HSK di JPNJ.
- (iii) Menanda kedudukan tempat-tempat istimewa komuniti Orang Asli di lapangan. Bantuan dan kerjasama boleh diperolehi daripada komuniti Orang Asli setempat untuk mengenalpasti dan menanda tempat-tempat istimewa tersebut.
- (iv) Menyimpan rekod-rekod tempat istimewa komuniti Orang Asli di Pejabat Renj Hutan, Pejabat Hutan Daerah dan Pejabat Perhutanan Negeri.

d. Pengurusan Dan Pemantauan Tempat-Tempat Istimewa

Tempat-tempat istimewa yang telah dikenalpasti perlu diurus dan dipantau supaya ianya terpelihara, tidak diganggu atau menjalankan sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan keadaan asal tempat-tempat istimewa tersebut. Perkara-perkara yang perlu dipantau adalah seperti berikut :-

- (i) Pokok-pokok di kawasan tempat istimewa yang telah dikenalpasti tidak boleh ditebang.
- (ii) Zon penampian perlu disediakan sekurang-kurangnya 20 meter dari kawasan pengusahaan dari tempat istimewa.
- (iii) Sebarang struktur yang telah dikenalpasti sebagai tapak kawasan istimewa tidak boleh diganggu.
- (iv) Taklimat kepada kontraktor dan pekerja pembalakan perlu diadakan sebelum aktiviti pengusahaan dijalankan jika terdapat kawasan untuk diusahakan di sekitar tempat istimewa yang telah dikenalpasti.
- (v) Aktiviti pemuliharaan seperti tanaman mengaya boleh dijalankan di kawasan ini sekiranya tidak mengganggu ekologi atau struktur asal tempat istimewa yang telah dikenalpasti.
- (vi) Pegawai Renj Hutan perlu menyediakan laporan kepada Pegawai Hutan Daerah dan Pengarah Perhutanan Negeri sekiranya terdapat pencerobohan atau gangguan terhadap tempat istimewa ini.
- (vii) Menjalinkan kerjasama dengan komuniti Orang Asli setempat bagi mengawal supaya tempat istimewa ini tidak diganggu.

Pada masa ini, JPNU telah mengenalpasti tiga (3) kawasan dalam HSK di Negeri Johor sebagai kawasan HCVF, iaitu (i) Hutan Tadahan Air; (ii) Hutan Paya Gambut; dan (iii) Kawasan Hutan Spesies Endemik. Kawasan-kawasan hutan ini dikenalpasti oleh JPNU berlandaskan kepada kepentingan nasional. Kawasan hutan tadahan air meliputi kawasan seluas 83,344.80 ha, manakala kawasan hutan paya gambut pula merangkumi kawasan seluas 5,428.94 ha. Sementara itu, kawasan HCVF bagi spesies endemik melibatkan 3 spesies endemik Negeri Johor iaitu *Shorea inappendiculata*, *Shorea peltata* dan *Dipterocarpus tempehes*.